

LIBERALIZATION OF FINANCIAL SERVICES IN MALAYSIA : IMPACTS OF THE CORONAVIRUS PANDEMIC ON THE ECONOMIC GROWTH

LIBERALISASI PERKHIDMATAN KEWANGAN DI MALAYSIA: IMPLIKASI PENDEMIK COVID-19 TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI SEMASA

Noor Aznaim Abd Latibiⁱ & Mohd Afandi Mat Raniⁱⁱ

ⁱ (Corresponding Author). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA. aznaim@uitm.edu.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA. mohdafandi@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>Most countries including Malaysia, have implemented financial liberalization policies over last two decades since 1970s. This policy aims to boost competitiveness, efficiency, effective resource allocation, as well as the openness of a nation's economic financial institutions to larger market competition. Second, the policy aims to keep the government out the market more than feasible. In the context of Islamic banking, financial liberalization has contributed to a greater diversity of participants following the arrival of foreign Islamic banks and subsidiary Islamic banks. The objectives of this paper was to examine the effect of long-established financial economic liberalization in the face of the COVID-19 pandemic. This research aims to examine impacts of the coronavirus pandemic on the economic growth base on qualitative, historical and library approaches. According the results of this study, impact of previously implemented financial liberalisation policies and the PEMERKASA programme announced by the government when the country faced a pandemic can maintain Malaysia as a destination of choice for investors and increase investor confidence even though the country is still handling with this pandemic. This is attributable to the fact that the removal of restrictions on capital inflows and outflows indicates liberalisation, and increases capital inflows. Without foreign investment, an economy will only have a small number of savers. Furthermore, through foreign capital flows that complement domestic savings, international financial integration could generate growth. Third, the inflow of foreign banks tends to increase competition, that can improve both of the performance of urban financial services and allocative efficiency. In this aspect, the Malaysian government's liberalisation strategy is considered to indicate the potential to positively impact economic growth as well as help the country's economic recovery during the COVID-19 pandemic.</i></p> <p><i>Keywords: Financial, Liberalization, Economic, Freedom, Policy.</i></p>
Abstrak	<p><i>Sepanjang dua dekad yang lalu, kebanyakan negara telah melaksanakan dasar liberalisasi kewangan seperti yang berlaku di Malaysia yang mana dasar ini dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 1970-an lagi. Dasar ini bertujuan untuk meningkatkan persaingan, kecekapan, peruntukan sumber serta meningkatkan kecekapan institusi kewangan negara kepada persaingan pasaran yang lebih luas dengan meminimumkan campur tangan kerajaan dalam pasaran. Manakala bagi perbankan islam, liberalisasi kewangan telah</i></p>

mewujudkan kepelbagaian peserta melalui kemasukan bank Islam asing dan bank islam subsidiari. Objektif kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan dasar liberalisasi kewangan yang telah lama dilaksanakan dalam mendepani pandemik COVID-19. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan merujuk kepada kajian kepustakaan berasaskan data primer dan sekunder. Data primer adalah merujuk kepada laporan ekonomi, dokumen terbitan awam berkaitan ekonomi Malaysia. Manakala data sekunder diperoleh daripada sumber seperti buku, jurnal dan artikel termasuk bahan-bahan percetakan yang berkaitan dengan dasar liberalisasi kewangan. Hasil kajian ini mendapati kesan daripada pelaksanaan dasar liberalisasi kewangan sebelum ini serta program PEMERKASA yang diumumkan kerajaan semasa negara berdepan pandemik mampu mengekalkan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelabur serta meningkatkan keyakinan pelabur walaupun negara masih berdepan dengan wabak ini. Ini kerana penghapusan sekatan terhadap aliran keluar masuk modal merupakan isyarat liberalisasi dan seterusnya menggalakkan aliran modal masuk. Tanpa pelaburan asing, sesebuah ekonomi akan hanya mempunyai penabung-penabung kecil. Selain itu, integrasi kewangan antarabangsa mampu menjana pertumbuhan melalui aliran modal asing yang menjadi pelengkap kepada tabungan domestik. Ketiga, kemasukan bank-bank asing cenderung untuk meningkatkan persaingan dan seterusnya boleh menambah baik kualiti perkhidmatan kewangan domestik dan juga kecekapan alokatif. Sehubungan dengan itu, dasar liberalisasi yang dilaksanakan oleh kerajaan di Malaysia dilihat mampu memberikan impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi serta menyokong pemulihan ekonomi negara semasa pandemik COVID-19.

Kata Kunci: Kewangan, Liberalisasi, Pasaran, Kebebasan, Polisi.

PENDAHULUAN

Lebih setengah abad yang lalu, kebanyakan negara menyekat aliran keluar masuk kewangan melebihi sempadan dan jika diperhatikan aliran kewangan antara negara amat kecil. Tetapi sejak enam dekad yang lalu dasar kerajaan mengenai liberalisasi kewangan, khususnya di negara-negara maju telah mengalami perubahan yang besar. Selepas dasar liberalisasi diumumkan, pelbagai respon telah diterima. Terdapat pihak yang menyokong serta menyambut baik dasar yang dijalankan oleh kerajaan dan menjangkakan akan menerima pelbagai faedah yang bakal terima oleh negara melalui dasar baru ini.

Antara pembaharuan sektor kewangan termasuk liberalisasi kawalan modal ke atas bank-bank, penyusunan semula bank-bank yang bermasalah dan pembaharuan dalam pengawalan kehematan dan penyeliaan. Tujuan pembaharuan dilaksanakan adalah untuk menggalakkan persaingan yang akan membawa kepada kecekapan sektor kewangan (Adams & Samuel, 2012).

Namun begitu, walaupun telah banyak kajian yang menunjukkan kesan positif dasar liberalisasi kewangan terhadap ekonomi seperti keterbukaan kewangan mampu menambah kekayaan negara (King et al, 1993). Kesan tersebut dapat dibuktikan melalui langkah Malaysia dalam meliberalisasi akaun modal yang telah meningkatkan kecekapan alokasi sumber-sumber pengeluaran negara. Jadi disini, liberalisasi kewangan tersebut dapat memberi impak positif terhadap ekonomi negara. Walaubagaimanapun, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa liberalisasi kewangan sebenarnya tidak memberi manfaat kepada semua negara yang melaksanakannya.

Dapatan ini seiring dengan kajian yang dilakukan oleh (Antoni et al, 2009) mendapati sesebuah negara yang mengamalkan dasar liberalisasi kewangan cenderung untuk mendedahkan negara tersebut kepada risiko peningkatan kekerapan berlaku krisis kewangan. Sehubungan dengan itu, pengkaji merasakan kajian berkaitan implikasi dasar liberalisasi kewangan terhadap ekonomi negara perlu dilakukan bagi melihat sejauh mana

keberkesanan dasar yang telah dilaksanakan sejak sedekad yang lalu dan mampu memberi sumbangan secara tidak langsung kepada pihak yang terlibat dalam melaksanakan polisi serta menggubal dasar negara.

METODOLOGI

Bagi memastikan penyelidikan mencapai objektif yang dibentuk, penetapan berkenaan dengan metodologi kajian adalah merupakan suatu elemen yang signifikan supaya pengkaji dapat mengenalpasti serta dapat merancang bentuk penyelidikan dengan jelas. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui penyelidikan kepustakaan.

Kaedah perpustakaan pula akan digunakan dengan melibatkan bahan rujukan dari al-Quran, hadis, kitab-kitab muhtabar, penyelidikan lepas, artikel jurnal, kertas kerja persidangan, buku-buku kontemporari, jurnal, latihan ilmunan dan sebagainya untuk dijadikan sebagai rujukan. Metod ini akan diaplikasikan dalam bab kajian lepas untuk melihat kajian tentang liberalisasi kewangan negara.

Melalui kaedah itu, pengkaji telah memilih beberapa perpustakaan sebagai tempat rujukan untuk mendapatkan sumber maklumat berkaitan dengan pelaksanaan liberalisasi kewangan di Malaysia. Reka bentuk kajian berdasarkan kepada analisis dokumen. Metod pendokumentasian ini dijalankan oleh pengkaji adalah untuk memudahkan proses pengumpulan data melalui pembacaan yang mempunyai hubungan dengan fokus kajian.

Metod ini akan diaplikasikan dalam bab kajian lepas untuk melihat kajian tentang kesan pelaksanaan liberalisasi kewangan terhadap ekonomi di luar negara. Di dalam metod dokumentasi ini, pengkaji telah meneliti dan menganalisis dokumen yang berkaitan dengan kesan pelaksanaan liberalisasi kewangan di Malaysia dari tahun 1978 sehingga tahun 2020.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa kajian telah dijalankan sebelum ini bagi menilai kesan liberalisasi kewangan terhadap ekonomi negara. Antara kajian yang berkaitan dengan implikasi dasar liberalisasi kewangan terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang memberi kesan kepada ekonomi adalah seperti berikut:

No.	Penulis	Kajian Lepas	Metodologi	Jurang Ilmiah Berdasarkan Kajian Lepas
1	(Muhamad Helmy,2020)	Artikel ini menganalisis peranan yang dimainkan oleh aktor negara terhadap dasar liberalisasi ekonomi di Vietnam. Hasil kajian ini membuktikan bahawa terdapat kesan positif terhadap peningkatan kemasukan pelaburan asing, pembasmian kebuluran dan kemiskinan tegar, peningkatan tahap Pendidikan, keseimbangan gender dan hak wanita serta kelestarian alam sekitar selepas Doi Moi dilaksanakan.	Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui penyelidikan kepustakaan.	Kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan membuat perbandingan antara negara Vietnam dan Malaysia
2	(Norlida Johari,2017)	Kajian ini berkisar berkaitan kesan keterbukaan kewangan terhadap	Data panel seimbang dari tahun 2000	Kajian ini tidak menjelaskan secara

		pertumbuhan ekonomi bagi lima ekonomi utama di ASEAN (Thailand, Singapura, Indonesia, Malaysia dan Filipina) antara 2000 dan 2014. Hasil kajian mendapati hubungan positif antara keterbukaan kewangan dan pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, kadar pertukaran rasmi dan perbelanjaan kerajaan juga didapati mempengaruhi pertumbuhan ekonomi secara positif.	hingga 2014 untuk negara-negara ini telah digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan Panel OLS.	terperinci peringkat liberalisasi ekonomi yang telah dilaksanakan di Malaysia.
3	(Qazi Muhammad et. al, 2015)	Kajian ini berkaitan kesan liberalisasi kewangan dan perdagangan terhadap pertumbuhan ekonomi di Pakistan. Hasil keseluruhan menunjukkan bahawa indeks liberalisasi kewangan berkaitan positif dengan pertumbuhan ekonomi, simpanan swasta dan pelaburan.	Pengkaji menggunakan pendekatan <i>autoregressive distributed lag approach</i> (ARDL) dari tahun 1971 sehingga 2013.	Kajian ini fokus kepada kesan pelaksanaan liberalisasi kewangan terhadap pertumbuhan ekonomi di Pakistan dan tidak menyentuh berkaitan negara lain yang telah melaksanakan dasar liberalisasi kewangan.
4	(Hidsal Jamil,2015)	Kajian ini membincangkan liberalisasi ekonomi di Indonesia. Hasil kajian mendapati kesan pelaksanaan liberalisasi di Indonesia hanya memberi faedah kepada warga asing disebabkan tiada hala tuju yang jelas untuk dicapai sebelum melaksanakan liberalisasi.	Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui penyelidikan kepustakaan.	Kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan menganalisis faktor yang menyumbang kepada kegagalan liberalisasi ekonomi di Indonesia.
5	(Abu Dzarr Muhammad Rus et. al, 2011)	Dapatan kajian mendapati usaha kerajaan untuk melihat peningkatan dalam kecekapan pengurusan perbankan Islam terutamanya melalui kemasukan bank Islam asing dan kemunculan bank Islam	Kertas ini menganalisis kecekapan bank komersial di Malaysia semasa proses liberalisasi kewangan	Kajian lanjut dengan tempoh sampel yang lebih panjang boleh membantu pembuat dasar

		subsidiari bagi tempoh sampel masih lagi belum tercapai.	menggunakan Analisis Sempadan Stokastik dengan tumpuan kertas adalah terhadap kecekapan bank Islam asing dan bank konvensional yang mempunyai subsidiari bank Islam	untuk merangka dasar akan datang terutama dalam proses liberalisasi pasaran kewangan supaya dapat membantu meningkatkan lagi perkembangan sistem perbankan Islam yang mampu bersaing dengan perbankan konvensional.
--	--	--	---	---

Jadual 1: Kajian Lepas Berkaitan Implikasi Liberalisasi Kewangan Terhadap Ekonomi Negara

Memandangkan masih wujudnya jurang ilmiah berdasarkan kajian lepas yang berkaitan dengan implikasi dasar liberalisasi kewangan terhadap ekonomi negara, maka diharapkan hasil kajian ini dapat memberi maklumat yang lebih seterusnya membantu dalam menambah baik dasar yang sedia.

HASIL KAJIAN

Konsep Liberalisasi Kewangan

Liberalisasi kewangan secara umumnya didefinisikan sebagai semakin besar pengaruh dan kuasa pasaran dalam menentukan kadar bunga dan peruntukan kredit sehingga meningkatkan skala operasi institusi-institusi kewangan dan dijangka akan meningkatkan kecekapan dan kestabilan sistem kewangan. Liberalisasi kewangan juga merujuk kepada siri perubahan peraturan dan perundangan yang membolehkan pelabur asing membeli aset domestik dan warganegara domestik melabur dalam aset asing, yang seterusnya menyebabkan pasaran sekuriti domestik menjadi satu bahagian integral daripada pasaran modal dunia. Ini bermaksud liberalisasi kewangan merujuk kepada mobiliti modal, keterbukaan akaun modal atau liberalisasi akaun modal (Fidzlizan Muhammad, 2012).

Selain itu, dasar liberalisasi ini dilaksanakan menerusi pelonggaran syarat pemegang ekuiti, penerimaan deposit dari luar yang lebih fleksibel, pelonggaran syarat keluar masuk modal serta pemberian insentif kepada pelabur asing. Perlaksanaan dasar ini boleh meningkatkan aliran masuk modal menerusi aliran masuk pelabur asing dan pelabur portfolio (O'Donnell, 1990).

Menurut perspektif Islam, dasar liberalisasi dalam Islam merujuk kepada kerjasama ekonomi sesama mereka yang mengikut nilai-nilai masyarakat setempat. Kerjasama yang boleh membawa natijah yang baik dan bermanfaat kepada masyarakat dan boleh diterima oleh masyarakat. Sebaliknya mana-mana kerjasama yang boleh mencederakan atau merugikan masyarakat akan ditolak kerana bertentangan dengan nilai dan kepentingan masyarakat. Bukan itu sahaja, umat Islam juga dianjurkan untuk berusaha apa sahaja selama mana masih tidak melanggar garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah kepada umatnya (S.K. Hassan, 2005).

Berdasarkan pandangan ahli-ahli ekonomi Islam, beberapa objektif yang perlu dicapai menerusi pelaksanaan dasar liberalisasi antaranya ialah kesejahteraan ekonomi yang luas, guna tenaga penuh, kadar pertumbuhan yang optimum, kestabilan nilai wang dan keadilan sosioekonomi. Sekilas pandang, objektif-objektif dasar kewangan Islam kelihatan seakan-akan sama dengan matlamat dasar kewangan konvensional. Walau bagaimanapun, hakikatnya terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-duanya. Menurut Chapra, perbezaan ini berpunca daripada perbezaan dalam soal komitmen terhadap nilai spiritual, keadilan sosioekonomi dan persaudaraan manusia sejagat (Nor Mohamed Yacop, 1996).

Pendekatan yang digunakan Malaysia dalam meliberalisasikan perkhidmatan kewangan bukanlah sesuatu yang baru. Malaysia masih mengambil pendekatan dualistik dan membuka ruang pesaing luar untuk melabur dan pada masa yang sama kerajaan masih berperanan mengawal institusi kewangan negara. Namun, pelaksanaan dasar liberalisasi ini masih berpaksikan ideologi barat dan tidak sepenuhnya memenuhi kehendak syariah. Kehadiran perbankan Islam dilihat sebagai satu platform yang mematuhi keseluruhan garis panduan yang telah ditetapkan oleh syariah dalam perbankan.

Pelaksanaan Dasar Liberalisasi Kewangan di Malaysia

Rantau Asia telah menyaksikan transformasi landskap kewangan yang agak ketara yang didorong oleh proses globalisasi, peralihan kepada orientasi pasaran yang lebih nyata dan kemajuan dalam teknologi. Khususnya, ekonomi pasaran yang berkembang perlu menumpukan kepada pembinaan kapasiti dan pembangunan infrastruktur kewangan. Ini termasuk memperkukuhkan institusi kewangan, membangunkan pasaran kewangan domestik serta menyediakan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan bagi memastikan kekukuhan dan kestabilan kewangan.

Berikut adalah langkah-langkah liberalisasi perkhidmatan kewangan yang dilaksanakan di Malaysia (Mattar Nije, 2006):

Tahun	Keterangan
2000	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jumlah maksimum bagi kemudahan kredit yang boleh diperolehi oleh syarikat yang dikuasai oleh bukan pemastautin (NRCCs) daripada institusi perbankan milik asing di Malaysia telah dinaikkan daripada 40 peratus kepada 50 peratus pada bulan Disember 2000. 2. Bank-bank Luar Pesisir berlesen di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan dibenarkan melabur dalam aset/instrumen ringgit di Malaysia untuk mereka sendiri, tetapi bukannya untuk kepentingan pelanggan mereka.
2001	<ol style="list-style-type: none"> 1. Institusi perbankan milik asing dibenarkan untuk membangunkan laman web komunikasi berkuat kuasa mulai 1 Januari 2001. 2. Institusi perbankan (termasuk bank milik asing) di Malaysia dibenarkan memberi kemudahan kredit dalam ringgit untuk membiayai pembelian atau pembinaan satu harta tidak alih bagi bukan pemastautin yang menyertai program "silver hair" yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. 3. Institusi kewangan (termasuk bank milik asing) dibenarkan memberi sehingga tiga kemudahan kredit dalam ringgit kepada bukan 4. Institusi perbankan (termasuk bank milik asing) di Malaysia dibenarkan melakukan pemindahan melibatkan Akaun Luar dan Akaun Luar lain.
2002	<ol style="list-style-type: none"> 1. Institusi perbankan milik asing dibenarkan untuk menawarkan urusan niaga perbankan melalui internet berkuat kuasa mulai 1 Januari 2002. 2. Kemudahan kredit dalaman. 3. Institusi perbankan (termasuk bank milik asing) di Malaysia dibenarkan untuk memberi tambahan kemudahan kredit dalam

	ringgit kepada bukan permastautin sehingga jumlah agregat RM5 juta bagi setiap bukan bermastautin.
2003	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bank berlesen (termasuk bank milikan asing) di Malaysia dibenarkan memberi kemudahan overdraf dalam ringgit kepada pelanggan bukan pemastautin. 2. Had semalaman bagi akaun mata wang asing yang diluluskan telah dinaikkan kepada AS\$70 juta. 3. Permastautin boleh melabur dalam produk pelaburan yang berkaitan dengan drivatif mata wang berdominasi asing yang ditawarkan oleh bank berlesen (termasuk bank milik asing) di Malaysia. 4. Membenarkan tiga lesen baru perbankan Islam kepada peserta asing yang layak.
2004	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bank berlesen (termasuk bank asing) boleh mengekalkan nilai yang lebih tinggi bagi dana mata wang asing kepada permastautin. 2. Had pinjaman ringgit yang dibenarkan untuk sebarang tujuan oleh institusi perbankan kepada bukan permastautin. 3. Bank berlesen dibenarkan untuk melanjutkan kemudahan overdraf agregat semalaman sebanyak RM200 juta. 4. Individu permastautin yang bekerja atau tinggal di luar negara dibenarkan melabur dalam sebarang aset mata wang asing. 5. Bank Pembangunan Multilateral dan syarikat multinasional asing yang menerbitkan bon berdominasi ringgit Malaysia boleh memasuki kontrak pertukaran asing ke hadapan.
2009	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dua lesen perbankan perdagangan baharu akan ditawarkan kepada peserta asing yang akan membawa kepakaran khusus. 2. Kelonggaran akan diberikan bagi meningkatkan had ekuiti asing bank pelaburan, bank Islam daripada 49 peratus sehingga 70 peratus. 3. Memberi fleksibiliti kepada institusi kewangan asing yang beroperasi di Malaysia untuk memperluaskan jangkauan produk dan perkhidmatan kewangan. 4. Syarikat Induk Labuan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir . 5. Lebih fleksibiliti juga akan diberikan untuk mengambil pekerja dalam bidang kepakaran yang akan menyumbang kepada pembangunan sektor kewangan.
2010	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bank-bank perdagangan asing yang diperbadankan di Malaysia akan dibenarkan untuk membuka empat cawangan baharu. 2. Institusi perbankan luar pesisiran yang dilesenkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) dibenarkan beroperasi di dalam negeri (<i>onshore</i>)
2011	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tiga lesen perbankan perdagangan baharu akan ditawarkan kepada bank-bank bertaraf dunia yang dapat memberikan manfaat besar kepada Malaysia.
2017	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemegang ekuiti bagi agensi penarafan kredit akan diliberalisasikan dan agensi penarafan kredit asing yang mempunyai pemilikan asing sepenuhnya akan dibenarkan beroperasi dalam negara.
2020	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemansuhan peraturan eksport
2021	<ol style="list-style-type: none"> 1. Liberalisasi pertukaran asing(FEP) yang memberi fleksibiliti kepada sektor perniagaan.

Jadual 2: Proses Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan Malaysia Dari Tahun (2000- 2021)

Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan Di Malaysia: Implikasi Pendemik Covid-19 Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Semasa

Beberapa kajian menunjukkan bahawa pembangunan dalam institusi perbankan akan membawa kepada pertumbuhan ekonomi. Terdapat hubungan yang signifikan, teguh dan positif antara pembangunan institusi perbankan dengan pertumbuhan ekonomi (John Williamson, 1998). Selain itu, satu sistem perbankan yang maju dan berfungsi dengan baik dapat membantu pertumbuhan melalui tiga cara.

Pertama, pelaburan langsung asing dapat membantu dalam penyediaan dana yang mencukupi bagi aktiviti pelaburan. Tanpa pelaburan asing, sesebuah ekonomi akan hanya mempunyai penabung-penabung kecil. Ini akan menyebabkan kesukaran firma yang ingin menjalankan perniagaan akan menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman. Jadi, jika dana ini dikumpul melalui sebilangan bank dan perantara kewangan maka kos untuk mendapatkan dana tersebut akan berkurang dan signifikan (Hansson Pontus, 1997).

Kedua, perantara kewangan akan mengurangkan risiko yang ditanggung oleh penabung individu. Individu yang menabung dalam perantara kewangan secara automatik mengagihkan risiko dengan mempelbagaikan projek pelaburannya, manakala penabung-penabung yang kecil akan kekurangan peluang untuk mempelbagaikan pelaburannya tanpa adanya satu sistem perbankan yang maju dan tersusun. Apabila sistem kewangan berkembang, lebih banyak sumber dapat disalurkan melalui perantara kewangan ini dengan risiko yang rendah dan ini menambah dana bagi pelaburan. Seterusnya pengumpulan modal akan bertambah dari semasa ke semasa (Hansson Pontus, 1997).

Ketiga, satu sistem kewangan yang berfungsi dengan baik juga boleh menambahkan kebolehan untuk menilai projek pelaburan dengan baik. Perantara kewangan yang ditubuhkan untuk memberi pinjaman dalam saiz yang besar dan menguntungkan (Hansson Pontus, 1997). Integrasi kewangan antarabangsa juga boleh menjana pertumbuhan melalui dua saluran iaitu saluran langsung dan saluran tidak langsung. Melalui saluran langsung, aliran modal asing dapat menjadi pelengkap kepada tabungan domestik. Dengan ini pertumbuhan tidak akan dijejaskan oleh ketidakcukupan tabungan domestik untuk membiayai pelaburan (Prasad et al, 2003). Keempat, dasar ini mampu mengurangkan alokasi risiko global yang lebih baik. Selain itu, kebolehan untuk mempelbagaikan risiko ini seterusnya menggalakkan firma-firma menambah jumlah pelaburan mereka dan dengan ini dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi (Prasad et.al, 2003).

Kelima, pertambahan bilangan bank asing dalam ekonomi domestik boleh mendatangkan banyak faedah. Penyertaan bank-bank asing dalam sistem perbankan domestik boleh memudahkan laluan kepada pasaran kewangan antarabangsa, khususnya bagi pengeksport, pengimport dan pelabur tempatan. Selain itu, wujudnya banyak bank asing juga boleh menambah baik rangka kerja perundangan dan penyeliaan ke atas industri perbankan domestik. Ini kerana di sebabkan bank-bank asing kerap kali memperkenalkan pelbagai instrumen kewangan yang baru dan ini boleh meningkatkan kemajuan teknologi dalam bidang perkhidmatan dan urusan niaga kewangan. Kemasukan bank-bank asing cenderung untuk meningkatkan persaingan dan seterusnya boleh menambah baik kualiti perkhidmatan kewangan domestik dan juga kecekapan alokatif.

Melalui saluran tidak langsung pula, aliran keluar masuk modal lebih bebas menggalakkan pengkhususan. Tanpa pengurusan yang baik, maka satu struktur pengeluaran yang terlampau khusus akan mewujudkan volatiliti pengeluaran yang tinggi seterusnya mewujudkan pula bilangan pengguna yang tinggi. Dalam prinsip globalisasi kewangan, ia boleh membantu negara untuk terlibat dalam perkongsian risiko dalam pelaburan kewangan antarabangsa dan ini boleh mengurangkan volatiliti. Secara tidak langsung perkongsian risiko boleh menggalakkan pengkhususan seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi (Hansson Pontus, 1997).

Selain itu, liberalisasi kewangan boleh meningkatkan iltizam kerajaan ke arah dasar yang lebih baik. Ia juga boleh meningkatkan produktiviti terhadap corak dasar yang

digubal pada masa hadapan. Liberalisasi kewangan yang teratur boleh mengubah dinamiknya pelabur tempatan kepada satu takat yang menyebabkan agihan semula modal tertumpu kepada aktiviti yang lebih produktif. Ketiga, liberalisasi merupakan isyarat dasar yang lebih baik mengenai aliran masuk modal asing.

Melihat kepada situasi negara semasa penularan wabak COVID-19, kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia yang merangkumi sektor perkhidmatan kewangan, pembuatan, perkilangan, perlombongan, pertanian hanya mencatatkan perkembangan pada tahap -0.5% pada suku pertama tahun 2021 iaitu menguncup jauh lebih kecil berbanding -3.4% pada suku keempat tahun 2020. Kadar ini mencerminkan prestasi ekonomi yang memberangsangkan dan menunjukkan bahawa negara terus menuju ke arah pemulihan kesan daripada pandemik ini.

Secara keseluruhan, kesemua sektor ekonomi negara telah menunjukkan tanda pemulihan melalui penguncupan tahunan yang lebih kecil berbanding suku tahunan 2020 sebelum ini seperti sektor perkhidmatan sebanyak -2.3% pada suku pertama tahun 2021 berbanding suku keempat tahun 2020 adalah sebanyak -13.9%. Hasil ini menggambarkan impak positif kerajaan melaksanakan pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bernilai RM15 bilion pada bulan Januari dan pelaksanaan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) bernilai RM20 bilion pada pertengahan Mac 2021 bagi terus melonjakkan pertumbuhan ekonomi, menyokong perniagaan dan menyediakan bantuan secara bersasar kepada rakyat dan sektor ekonomi yang masih terkesan. Kedua-dua pakej ini melengkapi pelbagai inisiatif Belanjawan 2021 yang terus dilaksanakan seperti Bantuan Prihatin Rakyat, Geran Khas Prihatin dan juga Program Subsidi Upah.

Antara petunjuk ekonomi utama yang mencerminkan tanda pemulihan akibat pandemik ini adalah Malaysia terus kekal sebagai salah satu destinasi pelaburan pilihan pelabur dari Januari hingga 23 April 2021 iaitu sebanyak RM81.9 bilion, di mana pada suku pertama bagi tahun 2021, sejumlah RM9.1 bilion merupakan aliran masuk bersih berbanding suku keempat tahun 2020 iaitu sebanyak RM6.8 bilion. Semua pelaburan ini adalah berkualiti tinggi, termasuk dalam sektor teknologi, inovasi, teknologi hijau, kenderaan elektrik dan teknologi kewangan.

Susulan daripada program PEMERKASA, sejumlah RM23.09 bilion aliran masuk bersih telah dicatatkan, di mana lebih daripada 50% merupakan langganan kepada penerbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) yang bernilai kira-kira RM12 bilion. Selain itu, keyakinan pelabur juga jelas dicerminkan melalui lebihan langganan sebanyak 6.4 kali terhadap penerbitan Sukuk berdaulat berdenominasi Dolar AS oleh Kerajaan termasuk penerbitan Sukuk Kelestarian berdaulat yang pertama di dunia.

Pada fasa ketiga (PKP) pula, Kerajaan mensasarkan KDNK negara akan terus berkembang berdasarkan unjuran pada kadar 6.0% - 7.5%, selaras dengan anggaran Dana Kewangan Antarabangsa (6.5%), Bank Dunia (6.0%) dan Bank Pembangunan Asia (6.0%). Selain itu, pemulihan ekonomi negara juga akan disokong oleh pertumbuhan ekonomi rakan dagangan utama seperti Singapura yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.2%, China (18.3%) dan Amerika Syarikat (0.4%) pada suku pertama tahun 2021.

Dapatan ini menunjukkan kesan daripada pelaksanaan program PEMERKASA serta dasar liberalisasi kewangan yang telah dilaksanakan kerajaan sebelum ini mampu kekalkan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelabur serta meningkatkan keyakinan pelabur walaupun negara masih berdepan dengan wabak ini. Ini kerana penghapusan sekatan terhadap aliran keluar masuk modal merupakan isyarat liberalisasi dan seterusnya menggalakkan aliran modal masuk (Grier, K, 1992).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Ekonomi Malaysia telah mengalami transformasi struktur yang ketara. Peralihan dari sektor yang berorientasikan pertanian kepada sektor berasaskan pembuatan dan perkhidmatan sebagai penyumbang utama kepada KDNK negara. Memandangkan institusi perbankan penyumbang 85% modal terhadap aktiviti ekonomi, maka pengawalseliaan

yang rapi serta tadbir urus yang tersusun adalah penting sebagai persediaan kepada ekonomi yang bersifat terbuka. Selain itu, dasar liberalisasi yang dilaksanakan dalam sektor perkhidmatan kewangan bertujuan memastikan Malaysia mendapat manfaat yang maksimum.

Pengukuhan hubungan antarabangsa dan peningkatan prestasi sektor kewangan kepada tahap yang lebih tinggi bakal menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara kesan daripada pandemik ini. Tindakan meliberalisasikan sektor kewangan adalah satu langkah tepat dalam menjadikan sektor kewangan berdaya saing serta dinamik. Dasar liberalisasi ini akan menjadi semakin penting kerana Malaysia perlu bersaing secara global apabila rantau Asia Barat merupakan pemain dalam kemudahan yang ditawarkan oleh bank-bank Islam.

Pengumuman dasar liberalisasi yang diambil merupakan pencapaian yang besar dalam usaha untuk memiliki sektor kewangan yang kukuh dan cekap. Namun demikian, berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian di Malaysia, masih kurangnya kajian yang melihat berkaitan kerelevanan dasar libersalisasi sektor kewangan yang telah dilaksanakan, maka kajian ini diharapkan dapat menutupi jurang kajian ilmiah yang sedia ada.

RUJUKAN

- Arif Hoetoro. 2007. *Ekonomi Islam: Pengantar Analisis Kesejahteraan dan Metodologi*. Indonesia: Penerbit Fakulti Universiti Brawijaya.
- Adam Samuel and Daniel Sakyi. 2012. *Globalization, Democracy, and Government Spending in Sub-Saharan Africa: Evidence from Panel*. Pisa: University of Pisa
- Antoni dan Md. Zyadi. 2009. *Impak Liberalisasi Sektor Kewangan Terhadap Penerimaan Seignorage Bagi Ekonomi Malaysia dan Indonesia*. Kuantan, Pahang: Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKIM VI) Memacu Pembangunan Ekonomi Dalam Ketidaktentuan Persekitaran Global.
- Hidson Jamil. 2015. *Perangkap Liberalisasi Ekonomi Indonesia*. Indonesia: Penerbitan Universiti Briwijaya.
- Nor Mohamed Yakcop. 2017. *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Prasad, Eswar, Kenneth Rogof, Shang-Jin & M. Ayan Kose. 2003. *Effect of Globalization on Developing Countries: Some Empirical Evidence*. Washigton: International Monetary Fund.
- S.K Hassan, 2005. *Kerjasama Ekonomi Umat Islam Potensi dan Cabaran*. Bangi: Dar Al-Shahrah.

Jurnal

- Eka Budiyanti. 2001. *Dampak Liberalisasi Ekonomi Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Indenosia*. Margin-The Journal of Applied Economic Research, 8(1).
- Grier, K. & G. Tullock. 1998. *An Empirical Analysis of Cross-national Economic Growth, 1950-1990*. Journal of Monetary Economics, 1(2):259-276. United States of America: University of California.
- Hansson, Pontus & Lars Jonung. 1997. *Finance and Economic Growth: The Case of Sweden 1834-1991*. Research In Economic, Elsevier, Vol.51 (3): 275-301. Italy: University of Venice.
- John Willamson & Molly Mahar. 1998. *A Survey of Financial Liberalization*. Journal of Development Economic, Vol. 11(1): 39-61. Netherland: Elsevier.
- King, Robert & Ross Levine. 1993. *Finance and Growth: Schumpeter Might Be Right*. Quarterly Journal of Economic, 108(3). Washington: Worl Bank.
- Mattar Nije. 2006. *The Impact of Financial Liberalization on Bank Spreads in Malaysia*. Journal of Economic Cooperation and Development, Vol. 27(3). Turkey: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries.

- Mohammed Yusoff dan Ilza Febrina 2014. *Trade Openness, Real Exchange Rate, Gross Domestic Investment and Growth in Indonesia*. Margin-The Journal of Applied Economic Research, 8(1). United Kingdom: Routledge.
- Mohsen, A. S. & Chua, S. Y. 2015. *Effects of Trade Openness, Investment and Population on the Economic Growth: A Case Study of Syria*. Hyperion Economic Journal, Year III, Vol. 2(3). Romania: University of Bucharest.
- Noor Aznaim Abd Latib dan Mohammad Taquiuddin Mohamad. 2018. *Penilaian Kesan Reformasi Dasar Kewangan Keatas Institusi Perbankan Islam Di Malaysia*. Labuan e-Journal of Muamalat and Society, 12. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Nowbutsing, B. M. 2014. *The Impact of Openness on Economic Growth: Case of Indian Ocean Rim Countries*. Journal of Economic and Development Studies, 2(2).
- O'Donnell, 1990. *Liberalization of Capital Movement and Financial Services in The OECD Area Paris*. The Organization for Economic Cooperation and Development (OECD). Vol.13(14). Turkey: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries.
- Uwakaeme. 2015. *Economic Growth in Nigeria: An Empirical Investigation of Determinants and Causal Relationship (1980-2012)*. American Journal of Economics, 5(1). United States: America Economic Association.
- Yassine Bakkar, Ghassan Omet. 2021. *Public Spending and Economic Growth: Empirical Investigation of Sub Saharan Africa*. Journal of the Southwestern Society of Economists, 57(2) Singapore: Yusof Ishak institute

Tesis

- Fidzlizan Muhammad. 2012. *Kelakuan Pembiayaan Perbankan Islam Dalam Transmisi Dasar Kewangan Di Malaysia*. Universiti Malaya: Tesis Doktor Falsafah.
- Norlida Johari. 2017. *Financial Openness and Economic Growth*. University Putra Malaysia: Master Thesis School of Finance and Banking

Internet

- Kementerian Kewangan Malaysia. <https://www.mof.gov.my/ms/berita/siaran-media/prestasi-kdnk-suku-pertama-2021-pertumbuhan-ekonomi-malaysia-semakin-pulih> (diakses pada 10 Ogos 2021).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.